

**LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM
ATOMIC ENERGY LICENSING BOARD**



**Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
Ministry of Science, Technology and Innovation**



Batu 24, Jalan Dengkil
43800 Dengkil, Selangor

20 Februari 2014

Notis Pemberitahuan

Bil. 01/2014

**KEPERLUAN BARU UNTUK
PENGIKTIRAFAN PENGENDALI DAN PENGENDALI PELATIH**

TUJUAN

1. Tujuan Notis Pemberitahuan ini adalah untuk memaklumkan mengenai **keperluan baru** untuk pengiktirafan Pengendali dan Pengendali Pelatih bagi bidang radiografi industri.

LATAR BELAKANG

2. Salah satu syarat untuk melayakkan seseorang individu diiktiraf sebagai Pekerja Sinaran bidang radiografi industri adalah keperluan untuk memiliki Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) bagi Ujian Tanpa Musnah (NDT) bidang radiografi industri. Dalam hal ini, Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) telah membentuk Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan Ujian Tanpa Musnah (SKPK-NDT) dan telah melaksanakan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) melalui sistem ujian bermula pada tahun 1986. Tiga tahap persijilan ditawarkan bagi NDT bidang radiografi industri iaitu SKM NDT (*Radiography Testing Technician Welded Construction*) Tahap 1, Tahap 2 dan Tahap 3.

3. Bagi tujuan pengiktirafan sebagai Pengendali dan Pengendali Pelatih, terdapat beberapa syarat kelayakan yang ditetapkan oleh Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (AELB) yang perlu dipatuhi. Bakal Pengendali dan Pengendali Pelatih hendaklah mematuhi syarat kelayakan ini sebelum boleh diiktiraf sebagai Pengendali dan Pengendali Pelatih.

4. Pengendali dan Pengendali Pelatih yang telah diiktiraf oleh AELB juga hendaklah mematuhi aspek keselamatan sinaran yang telah ditetapkan agar mereka tidak terdedah dengan dedahan dos yang berlebihan. Berdasarkan analisis terhadap dos dedahan sinaran pekerja sinaran, berbanding pekerja sinaran aktiviti lain, didapati Pengendali dan Pengendali Pelatih bidang radiografi industri adalah pekerja sinaran yang paling banyak menerima dedahan sinaran termasuk dedahan melebihi had dos tahunan yang ditetapkan. Sehubungan dengan itu, Pengendali dan Pengendali Pelatih hendaklah benar-benar kompeten apabila hendak melakukan kerja-kerja radiografi agar aspek keselamatan sinaran dapat dipatuhi.

ARAHAN AELB

5. Bagi memastikan bahawa Pengendali dan Pengendali Pelatih benar-benar kompeten dalam melakukan kerja-kerja radiografi industri, mulai **1 Januari 2015**, AELB telah menetapkan keperluan baru untuk pengiktirafan **Pengendali dan Pengendali Pelatih baru** seperti di **Jadual 1**.

Jadual 1: Keperluan baru pengiktirafan Pengendali dan Pengendali Pelatih baru

Jenis	Kelayakan Minimum	Tempoh Pengiktirafan Minimum
Pengendali	SKM bagi NDT bidang Radiografi Industri Tahap 2 yang masih sah	5 tahun atau setara dengan tempoh sah SKM bagi NDT bidang Radiografi Industri Tahap 2
Pengendali Pelatih	Lulus peperiksaan Radiografi Industri Tahap 1 atau Tahap 2 (Direct Access)	2 tahun dari tarikh keputusan peperiksaan atau setara dengan tempoh sah SKM bagi NDT bidang

Jenis	Kelayakan Minimum	Tempoh Pengiktirafan Minimum
		Radiografi Industri Tahap1

6. Bagi **Pengendali dan Pengendali Pelatih sedia ada** pula (bagi mereka yang telah mendapat pengiktirafan sebelum tarikh penguatkuasaan), keperluan baru bagi pengiktirafan adalah seperti di **Jadual 2**.

Jadual 2: Keperluan baru pengiktirafan Pengendali dan Pengendali Pelatih sedia ada

Jenis	Kelayakan Minimum
Pengendali	<p>Pengendali yang memiliki SKM bagi NDT bidang Radiografi Industri Tahap 1 akan dinilai berdasarkan merit dalam tempoh 2 tahun (mulai 1 Januari 2015 sehingga 31 Disember 2016). Penentuan merit akan ditetapkan oleh AELB. Pengendali akan kekal diiktiraf sebagai Pengendali jika mencapai merit yang ditetapkan oleh AELB.</p> <p>Sekiranya Pengendali terbabit tidak mencapai merit yang ditetapkan oleh AELB dalam tempoh 2 tahun tersebut, Pengendali yang memiliki SKM bagi NDT bidang Radiografi Industri Tahap 1 ini perlu mendapatkan SKM bagi NDT bidang Radiografi Industri Tahap 2 sebelum 1 Januari 2017 bagi membolehkan beliau kekal diiktiraf sebagai Pengendali.</p> <p>Sekiranya Pengendali ini gagal untuk mendapat SKM bagi NDT bidang Radiografi Industri Tahap 2 sebelum 1 Januari 2017, maka Pengendali ini akan hanya diiktiraf sebagai Pengendali Pelatih.</p>
Pengendali Pelatih	Pengendali Pelatih perlu lulus peperiksaan Radiografi Industri Tahap 1 atau Tahap 2 <i>Direct Access</i> sebelum 1 Januari 2017 bagi membolehkan mereka kekal diiktiraf sebagai Pengendali Pelatih.

7. Pengiktirafan sebagai Pengendali dan Pengendali Pelatih bagi bidang radiografi industri hendaklah mematuhi **keperluan baru** yang telah ditetapkan oleh AELB seperti di **Jadual 1** dan **Jadual 2**.
8. Keputusan dan arahan ini berkuatkuasa mulai **1 Januari 2015**.
9. Rentetan daripada arahan ini, **Kursus Asas Radiografi Industri untuk Pengendali Pelatih Bahagian I** dimansuhkan bermula pada **1 Mac 2014** dan **Kursus Asas Radiografi Industri untuk Pengendali Pelatih Bahagian II** dimansuhkan bermula pada **1 Oktober 2014**. Pemansuhan berperingkat ini adalah bagi memberi peluang kepada Pengendali Pelatih yang telah mengikuti kursus Bahagian I untuk melengkapkan keseluruhan Kursus Radiografi Industri Tahap 1 dengan mengikuti kursus Bahagian II.

PENUTUP

10. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan mengenai Notis Pemberitahuan ini, sila berhubung dengan AELB menggunakan alamat di bawah.

Pengarah

Bahagian Dasar, Kod dan Standard

Lembaga Perlesenan Tenaga Atom
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
Batu 24, Jalan Dengkil
43800 Dengkil, Selangor
No. Tel : +603-89225888
No. Faks : +603-89223685
E-mel : pbs@aelb.gov.my
Laman Web : www.aelb.gov.my